

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS GRADUASI PRA-UNIVERSITI
MAKTAB SULTAN ABU BAKAR, JOHOR BAHRU (ENGLISH COLLEGE)
PADA HARI KHAMIS, 11 DISEMBER 2013
DI DEWAN BAHARU MAKTAB SULTAN ABU BAKAR, JOHOR BAHRU**

SALUTASI

Yang Berusaha Tuan Haji Samsudin Md Ariff,

Pengetua Maktab Sultan Abu Bakar;

Yang Berusaha Encik Zais Md Akil,

Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru

Maktab Sultan Abu Bakar;

Yang Berusaha Guru-guru Penolong Kanan dan Guru-guru;

Para ibu bapa dan graduan yang diraikan;

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

KATA PEMBUKA

1. *Alhamdulillah*, suka saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka saya sekali lagi dapat menjejakkan kaki ke laman Maktab Sultan Abu Bakar yang bersejarah ini.
2. Sebagai alumni kepada sekolah bersejarah ini, saya sentiasa bangga dengan tradisi dan prestij kecemerlangan yang dimilikinya, satu hakikat yang Insya-Allah akan terus berkelangsungan pada seabad usia Maktab Sultan Abu Bakar pada tahun 2014.
3. Justeru, kehadiran saya pada pagi ini lebih merupakan *sirih pulang ke gagang*. Inilah antara peluang yang ada buat saya sebagai alumni EC untuk menginspirasi generasi baharu penuntut EC untuk terus melakar kecemerlangan di mana jua mereka berada selepas ini.

3. Oleh yang demikian, jutaan terima kasih diucapkan kepada Pengetua dan warga EC atas jemputan kepada saya untuk menyempurnakan Majlis Graduasi Pra-Universiti pada pagi ini.
4. Detik ini pastinya amat bermakna buat para graduan, dan juga buat warga EC secara keseluruhannya yang tercabar untuk mengekalkan prestij dan tradisi kecemerlangan yang telah lama terbina ini.
5. Jenama, budaya dan tradisi yang telah dicambahkan ini akan terus berkembang sebagai semaian subur di mana kecemerlangan pencapaian dan kesarjanaan watak menjadi tanda mutu warga Maktab Sultan Abu Bakar
6. Perjalanan seribu batu bermula dari langkah yang pertama. Sifat peneroka yang dilatari kelasakan minda, ketahanan diri dan kekentalan semangat adalah kualiti yang mendasari watak mereka yang berada dalam pasukan pengasas, sama ada warga kerja mahu pun pelajar.

7. Dengan menekuni watak tersebut, maka generasi pengasas dan peneroka ini sentiasa berada dalam keadaan bersedia untuk menerima apa jua kemungkinan sepanjang tempoh penerokaan tersebut.
8. Namun percayalah, jerih payah dan titis keringat generasi peneroka ini berupaya memaknakan impak besar dan positif suatu hari kelak sekiranya usaha penerokaan tersebut dicorakkan di atas koordinat yang tepat.
9. Kesan jangka panjang yang paling ketara kelak ialah apabila graduan institusi ini secara sukarela kembali berbakti sebagai alumni yang berbudi.
10. Inilah pulangan daripada pelaburan tenaga dan minda golongan peneroka bagi mewujudkan pengalaman pengajian yang kondusif dan tradisi kecemerlangan yang dikenang sebagai legasi kebanggaan dari satu generasi ke satu generasi di MRSM Tun Abdul Razak.

BEST MAN WINS

11. Tuan-tuan dan puan-puan, saudara dan saudari;

Pendeta Za'aba pernah menyatakan bahawa "*perangai bergantung pada diri sendiri*". Manakala Leo Tolstoy, seorang sasterawan terkemuka Rusia pernah menulis bahawa "*kebanyakan orang berfikir untuk mengubah dunia, tetapi jarang yang berfikir untuk mengubah diri sendiri*".

12. Apabila sebentar tadi saya berbicara mengenai soal kelasakan minda, ketahanan diri dan kekentalan semangat, sifat-sifat tersebut berkait rapat dengan kesediaan seseorang individu untuk mencorakkan dirinya dengan sikap yang sepatutnya.
13. Peluang untuk mengikuti pengajian peringkat menengah di institusi tersohor tidak mendatangkan sebarang makna sekiranya kembara ilmu tersebut tidak disertai dengan *nawaitu* yang betul.

14. Keinsafan yang mendalam terhadap harapan besar ibu bapa dan para pendidik merupakan motivasi terpenting untuk menyuntik kesedaran bahawa saudara dan saudari memikul amanah berat masyarakat, bangsa, agama dan negara.
15. Realiti dunia hari ini sama sekali berbeza dengan 10 atau 20 tahun yang lalu. Revolusi siber telah melonggarkan perbatasan geografi dan politik, mewujudkan dunia tanpa sempadan serta pentas global yang sengit dengan persaingan.
16. Dalam iklim kompetitif ini, peluang dan ruang kian mengecil buat individu yang bermentaliti *sambil lewa* dan *cukup makan*. Kecemerlangan akademik yang diimbangi ketrampilan diri serta kompetensi menjadi kayu ukur yang membezakan antara individu *mediocre* atau *biasa-biasa* dengan individu *exceptional* atau terbilang.

17. Persediaan untuk menyesuaikan diri dengan iklim kompetitif tersebut bermula di pada awal pengajian peringkat menengah lagi. Keupayaan untuk berimajinasi tentang hala tuju masa depan secara waras, praktikal dan realistik akan memudahkan pemilihan laluan kembara kehidupan saudara dan saudari.
18. Kematangan pemikiran, kebijaksanaan tindakan dan keserjanaan watak merupakan kualiti seorang individu yang bertekad cemerlang. Menyedari bahawa masa hadapan amat mencabar lagi berliku dengan aneka kemungkinan, individu cemerlang tidak membuang masa apa lagi berlengah untuk memperbaiki kelemahan diri serta memperkasa akal budinya.
19. Sehubungan dengan itu, saya menyarankan graduan sekalian untuk bermuhasabah secara konsisten serta memanfaatkan peluang dan pengalaman pengajian di sini seoptimum mungkin bagi memperkaya prestasi dan daya saing anda.

MENYELESAIKAN SEBUAH PERJALANAN

20. Saudara dan saudari sekalian,

Anda adalah generasi penuntut EC yang amat bertuah kerana merupakan kumpulan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) sulung yang menerima apresiasi melalui Majlis Graduasi seumpama ini yang julung-julung kalinya diadakan.

21. Kecemerlangan pencapaian akademik dalam keputusan Penggal 1 dan Penggal 2 seharusnya memotivasikan anda untuk terus melakar peta perjalanan akademik dan kerjaya secara terarah selepas ini.

22. Menyedari bahawa masa tidak banyak lagi berbaki, strategi perlu dirangka dan inisiatif perlu dilaksanakan untuk tidak sekadar mengekalkan, tetapi meningkatkan potensi dan bakat yang dimiliki oleh saudara dan saudari.

23. Ini berupaya dimaknakan dengan menentukan prioriti semasa, mengutamakan perkara-perkara yang mustahak dan penting (*urgent and important*) dan mengenenpikan hal-hal yang remeh-temeh.

24. Dengan menggunakan pendekatan SWOT iaitu mengenal pasti kekuatan (*strength*), weakness (*weakness*), peluang (*opportunity*) dan ancaman (*threat*), *Insyah-Allah* saudara dan saudari mampu berada pada jajaran yang betul apabila mula berada di alam pengajian tinggi kelak.

HARAPAN

25. Tuan-tuan dan puan-puan, saudara dan saudari,

Pada hemat saya, di samping meraikan para graduan, majlis pada hari ini juga merupakan medan apresiasi kepada para pendidik dan ibu bapa. Melalui puisinya *Guru Oh Guru*, Sasterawan Negara Allahyarham Datuk Usman Awang menukilkan bahawa sejarah bagi seorang yang kini berjawatan tinggi atau berpangkat besar dimulakan oleh seorang guru biasa, "*yang dengan lembut sabarnya mengajar tulis baca.*"

26. Manakala melalui lagu beliau yang masyhur berjudul *Ayah dan Ibu*, bekas Penghibur Nombor Satu Asia, Allahyarham Dato' Sudirman Haji Arshad mengajak kita untuk mengenang pengorbanan ibu dan bapa yang menjadi permulaan asal usul seorang anak. Dengan berpegang tunjuk ajar dan nasihat mereka, *Insyah-Allah* hidup saudara dan saudari akan selamat.

27. Justeru, pada detik yang bermakna ini saya meminta para graduan sekalian untuk menginsafi bahawa pengorbanan dua golongan istimewa ini – para pendidik dan ibu bapa merupakan hutang budi yang tidak akan mampu dibayar. Namun, kepada saudara dan saudarilah disandarkan harapan untuk bangkit mencipta kecemerlangan, menjadi warga kebanggaan agama, bangsa dan nusa.

KATA PENUTUP DAN LAFAZ PERASMIAN

28. Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan *selamat maju jaya* kepada semua graduan EC yang menerima sijil graduasi pada hari ini. Mudah-mudahan kembara ilmu saudara dan saudari akan terus dinaungi rahmat peliharaan Allah Ta'ala, doa restu ibu bapa dan berkat halal tunjuk ajar para pendidik.

29. Berbekalkan harapan dan doa tersebut serta lafaz yang mulia *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Graduasi Pra-Universiti Maktab Sultan Abu Bakar.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah*,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.